

03/02/2001

Pelaksanaan dasar lebih berkesan jika tempoh Rancangan Malaysia dilanjut

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli ekonomi berpendapat langkah memanjangkan tempoh Rancangan Malaysia daripada lima tahun yang sedia ada kepada 10 tahun dapat memastikan sesuatu dasar kerajaan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Ia juga dijangka memberi kesan positif kepada sektor swasta dan pelabur asing kerana tempoh rancangan pembangunan negara yang lebih panjang, memudahkan mereka merancang strategi pelaburan.

Penasihat Korporat Kumpulan Sungei Way, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata tempoh lebih panjang itu akan memberikan masa kepada agensi pelaksana bertumpu kepada perancangan dan pelaksanaan projek yang ditetapkan.

"Sekarang masa adalah suntuk, setiap dua setengah tahun, ada kajian separuh penggal. Dengan tempoh yang lebih panjang iaitu 10 tahun seperti dicadangkan, kajian separuh penggal boleh dibuat setiap lima tahun.

"Ini akan memberikan lebih masa kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk menumpukan kepada pelaksanaan projek," katanya yang juga bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa kerajaan mengkaji melanjutkan tempoh Rancangan Malaysia kepada 10 tahun berbanding lima tahun, ketika ini.

Ramon berkata, sektor swasta dan pelabur asing juga sudah tentu menyukai tempoh yang lebih panjang itu kerana ia memudahkan mereka membuat perancangan serta keputusan pelaburan.

"Sekarang ini pelaburan swasta adalah besar. Oleh itu sebelum melabur pengusaha swasta perlu pasti bahawa sesuatu dasar akan kekal bagi tempoh yang agak lama.

Dengan memanjangkan tempoh Rancangan Malaysia kepada 10 tahun, sektor swasta akan lebih berkeyakinan tentang hala tuju dasar kerajaan, sekurang-nya sudah ditetapkan bagi tempoh 10 tahun," katanya.

Profesor di Sekolah Ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohammad Alias, pula berkata tempoh Rancangan Malaysia yang lebih panjang memastikan tumpuan sesuatu projek pembangunan bukan saja diberi kepada pelaksanaannya, tetapi juga keberkesanannya.

Katanya, kebanyakan projek pembangunan adalah berbentuk jangka panjang, baik dari segi tempoh pelaksanaan, pembiayaan atau pun hasilnya.

"Jadi dengan tempoh Rancangan Malaysia lebih panjang, penumpuan bukan saja dapat diberikan kepada perancangan dan pelaksanaannya tetapi juga kepada pemantauan bagi memastikan ia menepati objektif yang dirancang," jelasnya.

Sebagai contoh beliau berkata, rancangan kerajaan mengalihkan lanskap ekonomi negara kepada ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi.

"Ia membabitkan satu peralihan, jadi ia bukan sesuatu yang boleh dilaksanakan dalam tempoh lima tahun kerana banyak bidang yang perlu diberi perhatian.

"Oleh itu, ia tentu akan dilanjutkan dalam tempoh Rancangan Malaysia yang berikutnya. Ini akan menyebabkan berlaku 'gangguan' dalam pelaksanaannya," kata beliau.

Bagaimanapun dalam menyokong langkah itu beliau menyarankan supaya kerajaan menggariskan beberapa kelemahan yang memerlukan perhatian.

Beliau berkata, antaranya termasuk kemungkinan berlakunya perkembangan luar jangka baik di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Dalam hal ini, Mohammad Alias berkata, kerajaan perlu memberikan keanjalan dalam dasar yang ditetapkan bagi disesuaikan dengan perkembangan berkenaan.

Menurutnya, setiap projek yang mahu dilaksanakan dalam sesuatu Rancangan Malaysia itu perlu mempunyai jadual yang jelas.

Katanya, jadual itu perlu bagi mengelakkan tempoh masa yang panjang menyebabkan agensi pelaksana menjadi selesa yang akhirnya mengakibatkan projek lewat dilaksanakan.

Menteri Hal Ehwal Wanita, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, pula berkata wanita akan mendapat lebih banyak faedah apabila pelaksanaan tempoh Rancangan Malaysia dipanjangkan.

Katanya, beliau belum melihat draf terakhir Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), tetapi yakin kerajaan akan memberi lebih keutamaan kepada wanita setanding peranan wanita dalam pembangunan, ekonomi dan sosial.

"Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) sendiri banyak memberi input kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dalam kerja merangka RM-8," katanya ketika ditemui hari ini.

Sementara itu, pakar penyelidik Institut Pembangunan Ekonomi Serantau (Ried), Prof Madya Tang Boon How, berkata tindakan melanjutkan jangka masa program pembangunan sesebuah negara perlu disesuaikan dengan keadaan semasa.

"Dalam konteks Malaysia, tindakan memanjangkan Rancangan Malaysia kepada 10 tahun adalah langkah bijak bagi mengatasi masalah peruntukan yang tidak sempat dibelanjakan untuk manfaat rakyat.

"Namun, pemanjangan tempoh ini tidak wajar dianggap sebagai peluang untuk melengahkan projek pembangunan yang dirancang dan satu badan pemantau khas perlu diselaras bagi mengawal selia pelaksanaan setiap projek.

"Pada masa yang sama, kerenah birokrasi Kementerian Kewangan yang menjadi alasan kebanyakan kementerian gagal membelanjakan peruntukan mengikut jadual, wajar dikurangkan dan prosesnya dipercepatkan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya, REDI, sebuah badan penyelidik bebas di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pernah menjalankan kajian mengenai pelan pembangunan yang dirangka negara serantau apabila Asia dilanda krisis ekonomi.

Kata Tan, prestasi Malaysia menangani krisis ekonomi atau memastikan rakyatnya memiliki infrastruktur serta kemudahan awam yang memadai, amat cemerlang dan kesinambungannya perlu dikekalkan.

Menurut beliau, walaupun tugas badan pemantau akan menjadi lebih sukar kerana tempoh pelaksanaan bertambah, lebih banyak projek dapat disiapkan mengikut jadual, sekali gus memantapkan lagi rancangan pembangunan kerajaan.

(END)